

**PENGAJIAN KITAB IHYA' 'ULUMIDDIN kali ke-31**  
**(Karya Hujjatul Islam Imam Al-Ghazali)**  
**Kuliah Maghrib kali ke-115**  
**Surau An-Nur, Kampung Sungai Nyior, Trong**

*Sambungan daripada kuliah lepas .....*

Adapun thammat (pemutaran perkataan-perkataan agama), maka termasuklah di dalamnya apa yang kami sebutkan mengenai syatah. Dan suatu hal yang lain yang khusus dengan thammat itu, iaitu pemutaran perkataan-perkataan agama dari zahirnya yang mudah difahami, kepada urusan batin yang tidak ada padanya menonjol faedahnya. Seumpama kebiasaan golongan batiniyyah memutar-belitkan maksud.

Ini juga haram dan besar melaratnya. Kerana perkataan-perkataan itu apabila diputar dari tujuan zahiriyyahnya tanpa berpegang padanya menurut yang dinukilkan dari Nabi saw dan tanpa suatu kepentingan yang diperlukan sepanjang petunjuk akal fikiran, maka yang demikian itu membawa hilang kepercayaan kepada perkataan itu sendiri. Dan lenyaplah kegunaan kalam Allah Ta'ala dan kalam Rasul-Nya s.a.w.

Ini juga termasuk ke dalam bid'ah yang telah berkembang dan besar kerugiannya.

Sesungguhnya tujuan orang-orang pembuat thammat itu adalah menciptakan sesuatu yang ganjil, kerana jiwa manusia adalah condong kepada yang ganjil, dan berasa enak memperoleh yang ganjil.

Dengan cara itu sampailah kaum kebatinan itu meruntuhkan semua syariat, dengan penta'wilan zahiriyyahnya dan menempatkannya menurut pendapat mereka itu sendiri, sebagaimana yang telah kami

ceritakan tentang mazhab-mazhab kaum kebatinan itu dalam kitab “Al-Mustazhari” yang dikarang untuk menolak golongan itu.

Contoh : *“Pergilah kepada Fir’aun itu, sesungguhnya dia itu derhaka.”*  
(Taha : 24)

Dan mengatakan bahawa hatilah yang dimaksudkan dengan Fir’aun itu. Dan hatilah yang durhaka kepada setiap manusia.

*“Dan campakkan tongkatmu.”* (Al-Qasas : 31)

Lau perkataan tongkat itu diputar kepada setiap sesuatu tempat bersandar dan berpegang selain daripada Allah Ta’ala. Itulah yang harus (mesti) dicampakkan dan dibuang jauh.

*“Bersahurlah kamu, kerana pada sahur itu ada berkatnya.”* (Bukhari, Muslim)

Lalu diputarkan kepada meminta ampun kepada Tuhan pada waktu sahur, bukan lagi makan sahur itu sendiri.

Semua yang diterangkan tadi adalah haram hukumnya, menyesatkan dan merosakkan agama rakyat.

*“Barangsiapa mentafsirkan Al-Quran menurut pendapatnya sendiri, maka disediakan untuknya satu tempat dari api neraka.”* (Turmizi, dipandangnyanya hasan)

Antara Pegangan Kaum Batiniyyah

1. Taksub dengan guru. Biasanya guru dianggap maksum.
2. Hari Kiamat tidak ada. Begitu juga dengan hari kebangkitan, mahsyar, syurga dan neraka. Semuanya ditakwilkan.
3. Menghalalkan maksiat.

## ISTILAH KELIMA – HIKMAH

Nama ahli hikmah (al-hakim) ditujukan kepada tabib, penyair dan ahli nujum, sehingga juga kepada orang yang memutar-mutarkan undian pada tangan di tepi jalan besar.

Hikmah ialah satu hal yang dipuji oleh Allah Ta'ala dengan firmanNya : ***“Dianugerahinya hikmah kepada sesiapa yang dikehendakinya, dan barangsiapa dianugerahi hikmah maka dia telah dianugerahi banyak kebajikan.”*** (Al-Baqarah : 269)

Perhatikanlah, apakah yang diperkatakan tentang hikmah itu dan ke manakah ditujukan. Kemudian bandingkanlah dengan kata-kata yang lain. Dan jagalah diri daripada tertipu dengan keragu-raguan yang dibuat oleh ulama-ulama jahat, kerana kejahatan mereka kepada agama adalah lebih besar daripada kejahatan syaitan. Sebab dengan perantaraan ulama-ulama jahat itu, syaitan beransur-ansur mencabut agama dari hati orang ramai.

Doa kita :

*“Ya Allah, berikanlah kami kefahaman dalam agama... dan kekuatan dalam beramal. Amin”*

